


Model bangunan **Makmal Analisis Halal JAKIM** di Bandar Enstek.
[IQMAL HAQIM ROSMAN/ BH]



Jamil Khir (kiri) bersama Setiausaha Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Basiran Saban (kanan) **melihat pelan pembinaan bangunan** pada Majlis Pecah Tanah Projek Makmal Analisis Halal JAKIM di Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Turut hadir Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha.

Makmal halal JAKIM

» Kompleks siap awal 2014 tingkat kerja analisis produk patuh syariah



INFO

Matlamat pembinaan makmal halal

- © Mewujudkan makmal analisis pensijilan halal bertaraf dunia
- © Mendapatkan akreditasi di bawah Skim Akreditasi

Oleh **Ziauddin Sharuddin dan Mohd Amin Jalil**
bhnews@bharian.com.my

Nilai

Pengurangan tempoh pengeluaran sijil halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang kini mengambil masa kira-kira 30 hari akan memberi manfaat besar kepada sektor komersial. Bagi sektor komersial, tempoh yang lama sudah tentu merugikan kerana urusan perniagaan memerlukan mereka bergerak pantas untuk mendahului pesaing. Kebanyakan pihak yang mahu mendapat pensijilan halal adalah sektor korporat yang memerlukan sijil pengiktirafan itu untuk menembusi pasaran mengikut jadual, terutama di negara yang mewajibkan pensijilan halal. Pembinaan Makmal Analisis Halal di sini dijangka dapat mengatasi kelemahan itu kerana apabila beroperasi sepenuhnya pada 2015, tempoh analisis akan dapat dipercepatkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata ketika itu sampel boleh dihantar terus ke makmal pada hari audit dijalankan, berbanding ketika ini perlu dihantar pada hari tertentu.

Tingkat pengambilan sampel

Selain itu, katanya keputusan analisis pula boleh dihantar kepada pelanggan secara dalam talian tanpa perlu dicetak difaks dan diposkan. "Kita menjangkakan pengambilan sampel dipertingkatkan dari 1,512 sampel pada 2014 kepada 3,023 pada 2015 dan 7,523 sampel menjelang 2020," katanya, selepas merasmikan majlis pecah tanah Makmal Analisis Halal di Bandar Enstek di sini, semalam. Jamil Khir berkata, makmal itu juga akan menjadi pusat setempat kepada industri, penyelidikan dan pensijilan halal dunia. "Segala keperluan dan rujukan pensijilan halal akan tertumpu di makmal ini. Analisis di sini akan diyakini dan tidak dipertikaikan mana-mana pihak, sekali gus mem-





Pensijilan halal tempa era baru

“Segala keperluan dan rujukan pensijilan halal akan tertumpu di makmal ini. Analisis di sini akan diyakini dan tidak dipertikaikan mana-mana pihak, sekali gus membantu Malaysia sebagai negara Islam menjadi peneraju Hab Halal Dunia”

Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

Nilai: Pensijilan halal di negara ini menempa era baru dengan pembinaan Makmal Analisis Halal di Bandar Enstek dekat sini.

Selepas sekian lama pensijilan halal menjadi isu yang diperkatakan pelbagai pihak apabila tiada pusat setempat yang khusus untuk menguji dan mengiktiraf halal pada sesuatu produk, pembinaan makmal ini menjadi jawapannya.

Sebelum ini, terdapat pelbagai logo halal yang menyebabkan masyarakat, terutama umat Islam keliru terhadap kesahihannya.

Selepas hanya logo Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) diiktiraf dari segi undang-undang, perhatian kini adalah terhadap kemampuan untuk membuat analisis terhadap pelbagai produk yang dihantar untuk diuji.

Pembinaan makmal ini amat penting kerana dapat menjawab pelbagai keraguan terhadap kemampuan JAKIM sebagai pihak yang dipertanggungjawabkan untuk segala urusan berkaitan pensijilan halal.

Sejak 1974

JAKIM memainkan peranan berkaitan pengesahan halal sejak 1974, tetapi pada peringkat awal surat pengakuan halal yang dikeluarkan lebih tertumpu kepada minuman dan makanan. Selepas 1994, surat pengakuan halal dinaik taraf menjadi sijil halal.

Mesyuarat Kabinet pada 8 Julai 2009 memutuskan supaya pensijilan halal diserahkan kembali kepada JAKIM selepas peranan itu dilakukan oleh Halal Development Corporation (HDC).

Kabinet juga memutuskan JAKIM perlu meneruskan pembangunan Institut Halal Malaysia di Bandar Enstek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9).

Projek pembinaan makmal ini diluluskan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan dilaksanakan dalam RMK-10.

Makmal ini adalah fasa pertama dari keseluruhan projek Institut Halal Malaysia yang dijangka boleh diduduki mulai Ogos 2014 dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2015.

Sepanjang 2014, makmal ini akan menjalani ujian percubaan bagi memastikan bersedia menerima sampel mulai Januari 2015.

Makmal Malaysia
© Menjalankan perkhidmatan analisis sampel untuk tujuan meningkatkan kredibiliti Pensijilan Halal Malaysia dalam dan luar negara
© Meningkatkan keupayaan JAKIM dalam bidang pensijilan halal

Komponen Utama Makmal Analisis Halal

- © Makmal Kimia
1. Unit fiber, kulit dan bulu
 2. Unit alkohol
 3. Unit protein dan gelatin



4. Unit lemak dan minyak
5. Unit aditif

Makmal Bioteknologi

1. Unit pengspesisan daging
 2. Unit organisme ubahsuai genetik (GMO)
- Makmal Mikrobiologi**

1. Unit patogen
2. Unit piawaian

Seksyen Pengurusan Makmal

1. Unit pentadbiran makmal
2. Unit kualiti (menyelaras pematuan akreditasi dan dokumentasi)

Jamil Khir menyempurnakan **Majlis Pecah Tanah Projek Makmal Analisis Halal JAKIM** di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.



bantu Malaysia sebagai negara Islam menjadi peneraju Hab Halal Dunia,” katanya.

Langkah proaktif

Sementara itu Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, berkata agensi itu juga mengambil langkah proaktif dengan mengadakan latihan dan penempatan sambilan pegawai Hab Halal JAKIM di Jabatan Kimia Malaysia dan Institut Pembangunan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Langkah ini diambil bagi membina keupayaan menyediakan kemahiran tinggi kepada pegawai yang bakal mengendalikan makmal itu,” katanya.

Beliau juga berharap pengisian jawatan makmal itu mendapat sokongan padu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Katanya, ini penting bagi meningkatkan keupayaan pensijilan halal dan segala urusan pensijilan halal dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

FAKTA NOMBOR

RM56.7

juta
kos pembinaan makmal JAKIM

18.4 hektar

keluasan tanah

7,523

sampel

dijangka dianalisis di makmal JAKIM menjelang 2020

